



Manulife
Investments

Dana Ekuiti Singapura Manulife

Pendekatan seimbang ke arah
penjanaan pendapatan dan
pertumbuhan jangka panjang

Dana ini merupakan dana feeder yang
melabur ke dalam Manulife Singapore
Opportunities Income Fund (“Dana Sasaran”).

☎ **(03) 2719 9271**

🌐 **manulifeim.com.my**

Imbas kod QR untuk melawati laman web kami



Pelaburan Ekuiti Singapura dengan Pendekatan yang Jelas dan Bermatlamat

Manfaatkan peluang dalam pasaran ekuiti Singapura yang terus berkembang menerusi strategi yang dibina untuk penjaan pendapatan dan pertumbuhan jangka panjang. Dengan pengenalan *Program Pembangunan Pasaran Ekuiti (EQDP)* oleh *Monetary Authority of Singapore (MAS)*, dana sasaran melabur dalam strategi yang menggabungkan kestabilan syarikat peneraju bermodal besar dengan potensi pertumbuhan syarikat bermodal kecil dan sederhana yang kurang mendapat liputan penyelidikan.

Dengan pendekatan merangkumi semua permodalan pasaran, dana ini menawarkan pelabur Malaysia cara yang seimbang untuk mengakses fasa peluang seterusnya di Singapura.

1 Potensi Pertumbuhan Tersembunyi Singapura

Pasaran ekuiti Singapura sedang memasuki fasa baharu yang menawarkan pelbagai peluang pelaburan. Untuk tempoh yang lama, banyak syarikat kukuh di Singapura — terutamanya syarikat bermodal kecil dan sederhana (SMID) — kurang mendapat perhatian pelabur berikutan kecairan yang rendah serta liputan penganalisis yang terhad.

Keadaan ini kini mula berubah dengan pengenalan EQDP oleh MAS, yang bertujuan untuk:

- Meningkatkan kecairan pasaran saham Singapura
- Menarik lebih banyak penyertaan pelabur
- Meningkatkan keterlihatan syarikat SMID yang kurang mendapat liputan penyelidikan

Bagi pelabur Malaysia yang ingin mempelbagaikan portfolio melebihi saham bermodal besar global, Singapura kini menawarkan kombinasi jarang ditemui yang merangkumi kestabilan, pemangkin pertumbuhan dipacu reformasi, dan penilaian yang menarik.

2 Didorong oleh Momentum Kukuh Hasil Reformasi Pasaran Singapura

Dana ini dilancarkan bagi memberikan pelabur akses kepada dana sasaran yang terdedah kepada peluang yang terhasil daripada EQDP oleh MAS, iaitu satu inisiatif untuk memperkukuh pasaran saham tempatan Singapura.

Maksud EQDP kepada pelabur

EQDP dibangunkan untuk memudahkan akses ke:



Kecairan lebih tinggi — memudahkan urusan pembelian dan penjualan saham



Lebih menarik kepada para pelabur



Lebih menonjol — terutamanya bagi syarikat bersaiz kecil yang sebelum ini kurang diberi perhatian

Ini meletakkan dana ini dalam kedudukan yang membolehkannya meraih manfaat secara langsung daripada perubahan struktur yang sedang membentuk semula landskap ekuiti Singapura. Ia turut mewujudkan suasana pelaburan yang stabil dan menyokong pelabur jangka panjang.

3 Pendekatan Pelaburan Merangkumi Semua Permodalan Pasaran

Strategi Fleksibel untuk Memaksimumkan Peluang

Dana sasaran mengguna *strategi pelaburan semua permodalan pasaran*, iaitu melabur dalam keseluruhan spektrum permodalan pasaran yang merangkumi *saham bermodal besar, sederhana dan kecil*.

Peruntukan lazim:

- **Kira-kira 60%** dilaburkan dalam syarikat bermodal besar bagi memastikan kestabilan dan daya tahan
- **Lebih kurang 40%** dilaburkan dalam saham syarikat bermodal kecil dan sederhana, di mana kesan EQDP terhadap kecairan pasaran dan penilaian saham dijangka lebih menonjol

Manfaat kepada Pelabur

Pendekatan semua permodalan pasaran membolehkan dana sasaran untuk:

- Memanfaatkan peluang di mana sahaja ia wujud
- Mengimbangi risiko dan pulangan dengan lebih berkesan
- Menyertai reformasi struktur yang sedang membentuk semula pasaran Singapura
- Mengurangkan risiko penumpuan yang lazim dalam strategi yang tertumpu pada satu segmen sahaja

Fleksibiliti ini amat penting pada masa ini memandangkan pasaran Singapura sedang melalui reformasi struktur yang berpotensi membuka nilai dalam saham SMID.

Secara ringkas:

Ia menggabungkan kestabilan dan pertumbuhan dalam satu strategi pelaburan yang tersusun dan berdisiplin. Pendekatan ini sesuai untuk pelabur yang mencari pertumbuhan modal jangka panjang melalui akses kepada pelbagai peluang pertumbuhan yang luas.

4 Direka bagi menjana Pendapatan + Pertumbuhan

Dana ini bertujuan untuk menyediakan *pendapatan dan pertumbuhan* modal.

Ciri-ciri Utama:

- Pengagihan suku tahunan, jika berkenaan
- Hasil portfolio strategi semasa sekitar 4.2%, dengan potensi tambahan daripada pertumbuhan modal

Sumber: Manulife Investment Management, Disember 2025

Pendekatan yang seimbang ini bermakna pelabur tidak perlu memilih antara pendapatan dan pertumbuhan — dana ini direka untuk memberikan kedua-duanya.

Sumber: Pengurusan Pelaburan Manulife, setakat Januari 2026

Prestasi lampau tidak menjamin pulangan pada masa hadapan. Prestasi kasar tidak mengambil kira penolakan fi pengurusan pelaburan dan telah ditolak komisen serta cukai pegangan asing. Prestasi bersih yang ditunjukkan mengambil kira penggunaan kadar tambahan tertinggi di bawah jadual standard fi khidmat nasihat pelaburan terhadap prestasi kasar. Perubahan dalam kadar pertukaran mata wang mungkin memberi kesan negatif. Yuran sebenar mungkin berbeza bergantung pada, antara faktor lain, jadual yuran yang terpakai dan saiz portfolio.

Berdasarkan data eVestment.

5 Diuruskan oleh Pasukan Tempatan Berpengalaman Luas dengan Rekod Prestasi Terbukti Mengatasi Prestasi Pasaran

Dana sasaran ini diuruskan oleh pasukan ekuiti khusus yang berpangkalan di Singapura, dengan pengetahuan tempatan yang kukuh mengenai pasaran yang sedang mengalami reformasi struktur. Strategi serupa yang diuruskan oleh pasukan ini telah menunjukkan disiplin yang konsisten merentasi pelbagai kitaran pasaran.

- *Mencatat prestasi lebih baik berbanding Indeks MSCI Singapura* dalam 5 daripada 8 tahun kalendar (2017 hingga 2025)
- Keupayaan terbukti untuk *meraih potensi kenaikan* sambil mengurus risiko penurunan dengan berkesan

Walaupun prestasi lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan, ia mencerminkan proses pelaburan yang kukuh dan boleh diulang secara konsisten.

Adakah Dana Ini Sesuai untuk Anda?

Dana ini mungkin sesuai untuk anda jika anda:



Mahu menjana pendapatan sambil menikmati potensi pertumbuhan jangka panjang



Berminat untuk melabur dalam ekuiti Singapura sebagai sebahagian daripada portfolio anda



Mengutamakan pengurusan aktif yang disokong oleh pemahaman mendalam mengenai pasaran tempatan



Selesa dengan turun naik pasaran ekuiti



Ingin mempelbagaikan pelaburan melangkaui pendedahan kepada syarikat bermodal besar di Malaysia atau peringkat global

Pendekatan Seimbang untuk Mengakses Peluang Ekuiti Singapura



Menggabungkan potensi penjanaan pendapatan, pengurusan aktif serta pemahaman mendalam terhadap pasaran tempatan — dalam pasaran yang diperkukuh oleh reformasi struktur yang bermakna

Maklumat dana utama

Nama Dana	Dana Ekuiti Manulife Singapura ["Dana"]		
Pengurus	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)		
Kategori Dana	Dana feeder		
Mata Wang Asas	SGD		
Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan menjana peningkatan modal dan pendapatan menerusi pelaburan dalam satu skim pelaburan kolektif (CIS), dengan tumpuan pelaburan kepada ekuiti serta sekuriti berkaitan ekuiti di pasaran Singapura. Nota: Sebarang perubahan material terhadap objektif pelaburan Dana memerlukan kelulusan Pemegang Unit		
Profil Pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur yang: <ul style="list-style-type: none">• bertujuan mencapai pertumbuhan modal dan pendapatan;• mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang; dan• ingin memperoleh pendedahan pelaburan kepada pasaran Singapura.		
Dasar dan Strategi Pelaburan	Dana ini akan melaburkan sekurang-kurangnya 85% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") Dana dalam Kelas B-MDis SGD Manulife Singapore Opportunities Income Fund ("Dana Sasaran"). Baki NAB Dana pula akan dilaburkan dalam aset mudah tunai seperti tunai, instrumen pasaran wang (termasuk sekuriti pendapatan tetap dengan baki tempoh matang kurang daripada 365 hari), penempatan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan bagi tujuan kecairan dan/atau instrumen derivatif untuk tujuan lindung nilai.		
Penanda Aras Prestasi	Dana ini menggunakan penanda aras Dana Sasaran hanya untuk tujuan perbandingan prestasi. Nota: Penanda aras prestasi di atas hanya digunakan sebagai rujukan bagi tujuan perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana ini adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras prestasi tersebut. Maklumat mengenai penanda aras prestasi boleh didapati di www.manulifeim.com.my .		
Kelas	Kelas A4 (SGD) Inc, kelas A4 (RM) Inc dan kelas A4 (RM-Hedged) Inc		
Harga Tawaran Awal	A4 (SGD) Inc Class	SGD 0.5000	
	A4 (RM) Inc Class	RM 0.5000	
	A4 (RM-Hedged) Inc Class	RM 0.5000	
Tempoh Tawaran Permulaan	Dua puluh satu (21) hari dari 10 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026		
Caj jualan	Saluran Pengeedaran	Caj jualan	
	IUTA UTC Pengurus	Sehingga 5.00% daripada NAB bagi setiap Unit	
Fi pengurusan tahunan	Sehingga 1.85% setahun daripada Nilai Aset Bersih (NAB) Dana, yang dikira dan diakru setiap hari.		
Fi pemegang amanah tahunan	0.04% setahun daripada NAB Dana (termasuk fi kustodian tempatan tetapi tidak termasuk fi dan caj kustodian asing).		
Pelaburan permulaan minimum	A4 (SGD) Inc kelas A4 (RM) Inc kelas Kelas A4 (RM-Hedged) Inc atau amaun lebih rendah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.	Kunjungan tanpa temu janji SGD 2,000.00 RM 2,000.00 RM 2,000.00	Transaksi Dalam Talian Tidak Tersedia RM 200.00 RM 200.00
Tambahan Minimum Pelaburan	A4 (SGD) Inc kelas A4 (RM) Inc kelas Kelas A4 (RM-Hedged) Inc atau amaun lebih rendah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.	Kunjungan tanpa temu janji SGD 1,000.00 RM 1,000.00 RM 1,000.00	Transaksi Dalam Talian Tidak Tersedia RM 100.00 RM 100.00
Dasar Pengagihan	Kelas A4 (SGD) Inc, kelas A4 (RM) Inc dan kelas A4 (RM-Hedged) Inc Pengagihan pendapatan, jika ada, adalah pada setiap suku tahun.		
Akhir Tahun Kewangan	31 Disember		

Penafian:

Maklumat di atas belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan serta terma dan syarat berkaitan yang dinyatakan di sini. Para pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Dana Ekuiti Manulife Singapura bertarikh 10 Jun 2026 serta semua Helaian Sorotan Produk berkaitan (secara kolektif dirujuk sebagai "Dokumen Tawaran"), yang boleh diperolehi di pejabat kami atau melalui laman sesawang kami, sebelum membuat pelaburan. Dokumen Tawaran ini telah didaftarkan dengan SC. Walau bagaimanapun, pendaftaran tersebut tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau menyokong produk tersebut. Pelaburan dalam dana amanah saham, dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta melibatkan risiko tertentu. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana amanah saham, dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta termasuk risiko turun naik kadar faedah, risiko pertukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak kaunter, risiko pengurus dana sasaran dan risiko kecairan. Untuk maklumat lanjut mengenai profil risiko bagi semua dana, sila rujuk bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan boleh meningkat atau menurun. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan fi, caj serta kos yang terlibat. Pelabur dinasihatkan supaya menjalankan penilaian risiko sendiri dan mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai tindakan yang perlu diambil. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan atau percanggahan, sila rujuk versi Bahasa Inggeris.